UCAPAN ALUAN

MOHAMAD EZRAL BAHARUDIN

PENGERUSI MURoC 2010

SEMPENA MAJLIS MAKAN MALAM MURoC 2010

2 JANUARI 2010

HOTEL PUTRA PALACE, KANGAR

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh , Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Yang Berbahagia, Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP,

Yang Berbahagia, Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

Pegawai-pegawai Utama UniMAP,

Wakil-wakil serta pegawai-pegawai IPTA / IPTS

Dekan-dekan dan ketua-ketua jabatan UniMAP, pesertapeserta MURoC, Wakil-wakil media seterusnya hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, syukur saya panjatkan ke hadhrat Allah SWT kerana dengan izinNya jua, maka akhirnya dapatlah kita bersama-sama berkumpul pada malam ini dalam satu majlis makan malam khusus untuk meraikan para pegawai dan peserta MURoC 2010 malam ini.

Semoga majlis pada malam ini akan merapatkan lagi ukhuwah antara kita sekaligus menenangkan minda selepas seharian mengendalikan robot-robot di Dewan 2020 hari ini.

Besarlah harapan saya agar jamuan pada malam ini akan menghilangkan keletihan anda semua untuk seketika sebelum berperang dalam pertandingan peringkat separuh akhir dan akhir yang dijadualkan esok.

Hadirin dan hadirat sekalian,

MURoC merupakan satu projek yang amat bermakna untuk saya selaku Pengerusi Program ini. Hal ini kerana, MURoC merupakan program cetusan idea Tuanku Canselor UniMAP bersama-sama Dato Naib Canselor dalam usaha untuk melahirkan pelajar yang kreatif dan inovatif.

Matlamat penganjurannya hanya satu, iaitu menghasilkan program kejuruteraan yang mendapat penglibatan menyeluruh dari semua IPTA / IPTS di Malaysia sekali gus mampu mencetuskan perubahan dalam bidang Sains dan Teknologi.

Secara tidak langsung, pertandingan ini jugak bertujuan untuk menguji keupayaan para peserta menterjemahkan pengetahuan dan skill masing-masing dalam proses mencipta robot.

Memandangkan pengajuran kali ini dibuat pada saat-saat akhir iaitu kurang dari tempoh enam bulan, maka tidak sedikit rintangan dan halangan yang terpaksa kami tempuhi.

Namun itu semua bukan penghalang untuk kami mengorak langkah dalam memastikan penganjuran MURoC menepati objektif yang ditetapkan.

Kami juga mengharapkan penganjuran pada tahun ini akan mencetuskan minat untuk lebih banyak penyertaan dari IPTA/IPTS pada tahun hadapan.

Hadirin sekalian,

Saya memilih untuk tidak bercakap panjang pada malam ini, Cuma satu harapan saya agar penganjuran program seumpama ini akan mewujudkan persaingan yang sihat antara kita semua. Menang dan kalah adalah adat permainan, namun bukan itu yang kita nilaikan.

Nilai yang kita mahu, adalah nilai persahabatan yang kukuh antara kita. Jadikan sukan ini sebagai medan untuk kita saling mengenali dan memahami dari masing-masing. Jangan ada dendam antara kita, kalau kemenangan menjadi milik kita hari ini, janganlah meninggi diri.

Andai kekalahan yang menjadi kesedihan, bangkitlah dan berusaha untuk menang tetapi dengan menggunakan cara yang jujur dan benar. Sesungguhnya usaha itu tangga kejayaan dan kegagalan itu bukan penamat.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.